



38 program IPR demi rakyat

PETALING JAYA - Sebanyak 38 program dilaksanakan Kerajaan Negeri dalam usaha membantu rakyat menikmati hasil kekayaan negeri bersesuaian dengan agenda peduli rakyat.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, Kerajaan Negeri di bawah pentadbiran PAKATAN memberi penekanan terhadap pembangunan dan kepentingan rakyat, sejak 2008.

Justeru, katanya, pelbagai program dirancang saban tahun demi mencapai sasaran ditetapkan.

"Bermula pada 2008 dengan tujuh program, Kerajaan Negeri menambah sehingga 38 program yang dapat memberi manfaat ke-

pada rakyat, maka teretusnya nama baru iaitu Inisiatif Peduli Rakyat (IPR).

"Saya rasa bangga dengan pelaksanaan program ini yang membantu rakyat kerana sememangnya mereka berhak berkongsi hasil kekayaan negeri," katanya sempena Karnival IPR di Pasaraya Giant, Kota Damansara, di sini, baru-baru ini.

Beliau berkata, Kerajaan Negeri mampu meningkatkan hasil negeri dan mengukuhkan ekonomi hingga rizab mencecah lebih RM3.6 bilion melalui amalan bertanggungjawab dan integriti.

Dalam karnival itu, Mohamed Azmin menyampaikan sumbangan dan bantuan IPR iaitu Skim Hi-

jarah Selangor (RM2.6 juta), Program Bantuan Sekolah Agama Selangor (RM3.6 juta), 'Smart Selangor Food Stamp' (RM5,000) Skim Peduli Sihat (RM50,000), Program Khas Peduli Siswa dan Bantuan Warga Emas.

Turut hadir, Exco Kerajaan Negeri iaitu Elizabeth Wong, Nik Nazmi Nik Ahmad dan Amirudin Shari; Ahli Parlimen Subang, R Sivarasa; Ahli Parlimen Petaling Jaya Selatan, Hee Loy Sian; Datuk Bandar Petaling Jaya, Dato' Mohd Azizi Mohd Zain dan Penye-laras Pusat Khidmat Masyarakat Kota Damansara, Radzlan Jalaludin.

Program terbabit dianjurkan **Kumpulan Perangsang Selangor Berhad** (Perangsang Selangor).